



KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD

96 JALAN BANGSAR, 59200 KUALA LUMPUR

Tel: 03-22824660 Fax: 03-22827680

Email: membersmail@ktnb.com.my Website: www.koptnb.com

Kepada :

3 Ogos 2021

**Semua Perwakilan 2021/2023
Koperasi Tenaga Nasional Berhad**

PER: NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 70

Bagi mematuhi kehendak Seksyen 41 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan Undang-Undang Kecil Koperasi Tenaga Nasional Berhad 29 (4), dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 70 akan diadakan pada tarikh seperti berikut :-

SECARA MAYA (ONLINE) / HIBRID / FIZIKAL

TARIKH : **18 SEPTEMBER 2021**
HARI : **SABTU**
WAKTU : **8.00 PAGI**
TEMPAT PENYIARAN : **KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD,
96 JALAN BANGSAR, 59200 KUALA LUMPUR**

NOTA : **KAEDAH PENGANJURAN MESYUARAT SAMA ADA SECARA MAYA (ONLINE) / HIBRID / FIZIKAL TERTAKLUK KEPADA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN YANG DIWARTAKAN OLEH MAJLIS KESELAMATAN NEGARA DARI SEMASA KE SEMASA**

AGENDA :

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Tenaga Nasional Berhad ke 69 yang telah diadakan pada hari Ahad, 13 September 2020, di Grand Ballroom, The Wembley Hotel, 183, Jalan Magazine, George Town, 10300 George Town Pulau Pinang.
2. Menimbang dan meluluskan Aturan-aturan Pengundian Anggota dan memilih Anggota Lembaga Koperasi.
3. Menimbang dan meluluskan Laporan Lembaga Koperasi, Laporan Jawatankuasa Syariah, Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020.
4. Menimbang dan meluluskan cadangan pembahagian keuntungan :-
 - Dividen atas Modal Syer
 - Dividen atas Modal Yuran
 - Ehsan
 - Kumpulan Wang
 - Yayasan Amal Tenaga
 - Honorarium Anggota Lembaga
5. Meluluskan elaun dan perbelanjaan kepada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Syariah, Lembaga Pengarah Anak Syarikat Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalaman.
6. Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan bagi tahun 2021/2022.
7. Menimbang dan meluluskan Skop dan Had Pelaburan Koperasi.

8. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan.
9. Melantik suatu Jawatankuasa terdiri daripada empat (4) orang Anggota Lembaga dan enam (6) orang perwakilan untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
10. Meluluskan satu panel yang terdiri tidak kurang daripada dua (2) firma audit.
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain yang telah disampaikan kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.
12. Menimbang dan meluluskan cadangan pindaan Undang-undang Kecil dan Aturan-aturan Aktiviti, jika ada.

Semua usul hendaklah dialamatkan kepada **SETIAUSAHA, KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD**, 96 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur dan hendaklah sampai sebelum atau pada 10 September 2021.

Tuan/Puan dengan segala hormatnya adalah dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 70 bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai perwakilan kawasan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah,
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TENAGA NASIONAL BERHAD



MOHD ROSZELI BIN MAJID
Setiausaha

PERINGATAN:

1. Sila pastikan dokumen yang dihantar oleh Koperasi TNB diterima dan ada bersama tuan/puan masa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 70 seperti berikut:-
 - a. Buku Laporan Tahunan 2020
 - b. Buku Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 70
2. Perwakilan yang ingin mendapatkan sebarang keterangan mengenai Laporan dan Akaun hendaklah mengemukakan pertanyaan secara bertulis kepada Koperasi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung iaitu tidak lewat dari 10 September 2021.
3. Perwakilan boleh mengemukakan pendapat atau usul-usul di bawah Agenda 11. Segala pendapat atau usul-usul hendaklah dikemukakan dengan cara bertulis tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung tidak lewat iaitu dari 10 September 2021.
4. Pendaftaran perwakilan akan ditentukan tertakluk kepada kaedah penganjuran mesyuarat.